

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)

USUL PEMULA NO: 25-104-98

Dalam Perkara Suatu Permohonan oleh
Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja
Perusahaan Alat-Alat Pengangkutan dan
Sekutu untuk Suatu Perintah Mandamus

Dan

Dalam Perkara Keputusan Yang Diberi oleh
Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan
bertarikh 14hb. Mei 1998 yang enggan
meneruskan proses tuntutan pengiktirafan
oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja
Perusahaan Alat-Alat Pengangkutan dan
Sekutu ke atas Delloyd Auto Parts Mfg
Sdn. Bhd. yang dikemukakan pada 24hb.
Disember 1996

Dan

Dalam Perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah
Mahkamah Tinggi 1980

Antara

KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA)
PERUSAHAAN ALAT-ALAT PENGANGKUTAN)
DAN SEKUTU)

.... PEMOHON

Dan

KETUA PENGARAH PERHUBUNGAN PERUSAHAAN,
MALAYSIA

... RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

Secara ringkas, ini adalah permohonan Pemohon untuk perintah-perintah berikut:

- (i) Suatu perintah mandamus bahawa Responden mempertimbangkan dan memproseskan permohonan yang dikemukakan oleh Pemohon kepada Responden di bawah seksyen 9(4C) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 berhubung dengan tuntutan pengiktirafan ke atas Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd. melalui Borang A bertarikh 24hb. Disember 1996;
- (ii) Bahawa semua arahan yang perlu dan yang bersampingan diberikan; dan
- (iii) Kos dan kos sampingan permohonan ini dibayar oleh Responden kepada Pemohon.

2. Pemohon telah memfailkan dokumen-dokumen berikut untuk menyokong permohonan ini:

(i) Notis Usul Pemula yang dipinda bertarikh 4.12.98 (kandungan 5);

(ii) Pernyataan Menurut Aturan 53 Kaedah 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bertarikh 18.9.98 (selepas ini dirujuk sebagai 'Pernyataan tersebut');

(iii) Afidavit yang telah diikrarkan oleh Gopal Kishnam a/l Nadesan pada 18.9.98 (selepas ini dirujuk sebagai 'Afidavit Pemohon tersebut');

Responden pula telah memfailkan Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Ismail bin Hj. Abdul Rahim pada 17.3.99 ('Afidavit Jawapan Responden'). Sebagai balasan, Pemohon

telah memfailkan Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Gopal Kishnam a/l Nadesan pada 23.4.99 (Afidavit Jawapan Pemohon).

3. Latarbelakang tuntutan Pemohon telah dihuraikan di dalam Afidavit Pemohon tersebut dan fakta-fakta yang berikut telah tidak dipertikaikan oleh Responden:

24.12.96 Pemohon menyerahkan Notis Tuntutan untuk Pengiktirafan kepada Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai 'syarikat tersebut');

6.1.97 Kesatuan Pekerja-Pekerja Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai 'kesatuan sekerja dalaman tersebut') didaftarkan;

- 9.1.97 Syarikat tersebut memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja dalaman tersebut;
- 15.1.97 Pemohon mengemukakan laporannya kepada Responden selaras dengan seksyen 9(4) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- 30.1.97 Responden memberitahu Pemohon bahawa satu pemeriksaan keahlian perlu dijalankan dan Pemohon dikehendaki mengemukakan salinan nama semua ahli kesatuannya yang berkhidmat dengan syarikat tersebut pada tarikh tuntutan pengiktirafan;
- 7.4.97 Pemohon mengembalikan kepada Responden Borang C dengan senarai

nama anggota kesatuannya yang berkhidmat dengan syarikat tersebut;

14.5.97 Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja telah memaklumkan kepada syarikat tersebut bahawa satu lawatan akan dibuat ke atas syarikat tersebut pada 22.5.97 untuk menyiasat aktiviti perniagaan syarikat;

24.7.97 Responden memberitahu Pemohon tuntutan pengiktirafannya tidak dapat diteruskan kerana syarikat tersebut telah memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja dalaman tersebut;

5.9.97 Memandangkan sebilangan besar ahli-ahli kesatuan sekerja dalaman tersebut telah berhenti dari menjadi ahli-ahli

GK-9

kesatuan tersebut, Pemohon telah memohon kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja agar nama-nama tersebut dikeluarkan dari daftar anggota kesatuan sekerja dalaman tersebut selaras dengan seksyen 15(2)(b) Akta Kesatuan Sekerja 1959;

3.12.97 Kesatun sekerja dalaman tersebut diberi peluang untuk membuat representasinya berhubung dengan cadangan arahan yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja;

29.12.97 Ketua pengarah Kesatuan Sekerja mengarahkan pengeluaran nama-nama ahli kesatuan sekerja dalaman dari daftar ahli kesatuan di bawah seksyen

15(2)(b) Akta Kesatuan Sekerja 1959

setelah berpuashati bahawa Pemohon mempunyai ahli yang teramai dalam syarikat tersebut;

22.1.98 Responden memaklumkan kepada Pemohon bahawa hasil siasatan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja menunjukkan pekerja-pekerja yang digaji oleh syarikat tersebut adalah termasuk di dalam skop keahlian Pemohon. Oleh itu, Pemohon adalah layak mewakili pekerja-pekerja syarikat tersebut;

*competency
issue*

20.2.98 Responden memaklumkan bahawa Pemohon tidak boleh membuat tuntutan pengiktirafan kerana syarikat tersebut telah memberi pengiktirafan kepada

kesatuan sekerja dalaman tersebut pada

9.1.97;

19.3.98 Perakuan Pendaftaran kesatuan sekerja dalaman tersebut dibatalkan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja;

14.5.98 Responden memberitahu Pemohon tuntutan pengiktirafannya tidak dapat diteruskan kerana syarikat tersebut telah memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja dalaman tersebut.

4. Dapat diperhatikan bahawa setelah menerima aduan Pemohon di bawah seksyen 9(4) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Responden adalah dikehendaki untuk menyelesaikan aduan Pemohon di bawah seksyen 9(4A) Akta tersebut seterusnya. Sekiranya Responden tidak dapat menyelesaikan pertikaian ini, ia haruslah memaklumkan kepada Menteri Sumber Manusia di

bawah seksyen 9(4C) Akta tersebut. Ini adalah obligasi statut yang wajib. Oleh itu, saya berpendapat bahawa keengganan Responden untuk memproses tuntutan pengiktirafan Pemohon adalah satu tindakan di luar bidangkuasanya (perenggan 3(i) Pernyataan tersebut). Di samping itu, Responden telah mengambil langkah-langkah dan membuat siasatan yang perlu di bawah seksyen 9(4A) dan (4B) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk tujuan pemeriksaan ahli. Ini termasuk:

- (i) Permintaan kepada Pemohon supaya mengemukakan salinan nama semua ahli kesatuannya yang berkhidmat dengan syarikat tersebut pada tarikh tuntutan pengiktirafan untuk tujuan pemeriksaan keahlian di bawah seksyen 9(4B) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan ini telah pun dilakukan oleh Pemohon pada 7.4.97;

(ii) Satu siasatan telah dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Malaysia seperti yang diarahkan oleh Responden di bawah seksyen 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan hasil siasatan tersebut menunjukkan pekerja-pekerja yang digaji oleh syarikat tersebut adalah termasuk di dalam skop keahlian Pemohon. Oleh itu, Pemohon adalah layak mewakili pekerja-pekerja syarikat tersebut.

5. Oleh hal yang demikian, memandangkan langkah-langkah yang perlu telah diambil oleh Responden ekoran dari aduan Pemohon kepada Responden di bawah seksyen 9(4) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya perbendapat bahawa Responden tidak mempunyai bidangkuasa untuk menghentikan proses tuntutan pengiktirafan Pemohon. Ini adalah kerana tuntutan pengiktirafan Pemohon masih merupakan pertikaian yang belum diselesaikan. Mengikut seksyen 9(4C) Akta Perhubungan Perusahaan 1967,

Responden hendaklah memaklumkan perkara sedemikian kepada Menteri Sumber Manusia untuk keputusan beliau.

Dalam kes Non-Metallic Mineral Products Manufacturing Union v. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia [1996] 3 CLJ. 614, di m.s. 623 maksud "resolve" di bawah seksyen 9(4A) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 telah ditakrifkan sebagai "an answer to a solution, determine (a doubtful point), settle (something) or decide on (a course of action, etc.)" in the New Shorter Oxford English Dictionary (1993 Edition).

Atas alasan tersebut, cadangan Responden kepada Pemohon untuk mengemukakan notis tuntutan pengiktirafan yang baru kepada syarikat tersebut adalah tidak teratur. Cadangan itu juga adalah bertentangan dengan maksud dan tujuan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang terkandung di dalam mukadimahya: "An act to provide The prevention and settlement of any differences or disputes arising from their (employers and workmen and their trade unions] relationship ...". Ini bermakna

Responden mempunyai suatu tanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang pertelingkahan atau pertikaian yang telah dirujuk kepadanya dengan seberapa segera yang boleh.

Dalam kes Non-Metallic Mineral Products di atas Mahkamah berkata:

“The DGIR’s duty to expeditiously and fairly resolve the matter is doubly fortified by the preamble to the IRA that encapsulates the aim and purpose of the IRA which, among other things, is to provide for the settlement of any differences or disputes between employers and workmen or their trade unions. See the observations made by the Federal Court in *Hoh Kiang Ngan v. Mahkamah Perusahaan Malaysia Anor.* [1995] 3 MLJ. 369, at pages 387 and 388.”

6. Selanjutnya dapat diperhatikan bahawa Responden telah bertindak tidak betul dan seterusnya melakukan kesilapan dari segi undang-undang apabila ia gagal mengambilkira faktor-faktor berikut dalam keputusannya bertarikh 16.4.98 dan 14.5.98:

- (a) Semasa tuntutan pengiktirafan dikemukakan oleh Pemohon kepada Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd. pada 24.12.96, tidak ada kesatuan sekerja lain yang mewakili mana-mana pekerja di syarikat tersebut.
- (b) Tuntutan pengiktirafan yang dikemukakan oleh Pemohon ke atas Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd. tidak pernah ditarik balik pada semua masa yang matan.
- (c) Seterusnya, kewujudan Kesatuan Pekerja-Pekerja Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd. sesungguhnya tidak menjadi isu lagi pada

pekerja Syarikat Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd.. Ini adalah jelas di dalam surat Responden bertarikh 22.1.98 yang ditujukan kepada Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd..

Jadinya keengganan Responden untuk memproses tuntutan pengiktirafan Pemohon adalah tidak berasas kerana tidak disokong oleh fakta-fakta dan keterangan yang ada.

7. Seterusnya, Responden telah melakukan kesilapan undang-undang apabila mengambilkira faktor bahawa pengiktirafan telah diberi kepada Kesatuan Pekerja-Pekerja Delloyd Auto Parts Mfg. Sdn. Bhd.. Ini telah dinyatakan di dalam surat-suratnya bertarikh 16.4.98 (ekshibit 'GK-16') dan 14.5.98 (ekshibit 'G-17'). Ini adalah faktor yang tidak relevan kerana kesatuan sekerja dalaman tersebut telah dibatalkan dari pendaftaran kesatuan sekerja pada 19.3.98. Rujukan Responden kepada seksyen 11 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dalam suratnya bertarikh 16.4.98 berhubung dengan pengiktirafan yang telah diberi kepada

kesatuan sekerja dalaman tersebut juga adalah satu salah tanggapan dari segi undang-undang. Ini adalah kerana seksyen 11 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 hanya terpakai sekiranya keputusan untuk memberi pengiktirafan itu adalah sah dari segi undang-undang. Mengikut fakta, adalah jelas bahawa kesatuan sekerja dalaman tersebut hanya ditubuhkan dan didaftarkan setelah Pemohon mengemukakan tuntutan pengiktirafan kepada syarikat tersebut. Sejurusnya, syarikat tersebut telah memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja dalaman tersebut dalam masa tiga hari sahaja setelah ia didaftarkan, pada hal terdapat sebilangan besar pekerja-pekerja dalam syarikat tersebut yang diwakili oleh Pemohon pada masa itu. Memandangkan kepada latar belakang penubuhan kesatuan sekerja dalaman tersebut, sejauh manakah ia dapat berfungsi secara bebas dalam melindungi kepentingan pekerja-pekerja dalam syarikat tersebut adalah amat diragui sekali.

Dalam kes Kesatuan Sekerja Pembuatan Barangan Galian Bukan Logam v. Director General of Trade Unions & 3 Ors. [1990] 2 ILR 97, Mahkamah memutuskan:

“[1] The plaintiff could invoke the concept of legitimate expectation of being afforded the opportunity of making representation before the first defendant proceeded to register the fourth defendant as a trade union; accordingly the plaintiff had locus standi to maintain the present action against the first defendant.

.....

[6] With regard to the preclusive provision of section 11 of the Trade Union Act which states that where a trade union has been accorded recognition no other trade union shall make any claim for recognition, this applies only where the decision according recognition is legally valid; it will be of no avail where the decision is a nullity.”

Di samping itu, Pemohon telah tidak diberi peluang untuk didengar dan membuat representasi sebelum kesatuan sekerja dalaman tersebut didaftarkan sebagai kesatuan sekerja. Ini adalah

harapan sah yang telah diiktirafkan oleh undang-undang kes. Selain itu, dalam mendaftarkan kesatuan sekerja dalaman tersebut, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja juga gagal memberi pertimbangan kepada kepentingan pekerja-pekerja di dalam industri yang berkenaan secara keseluruhannya seperti yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 12(2) Akta Kesatuan Sekerja 1959. Oleh kerana itu, pendaftaran kesatuan sekerja dalaman tersebut adalah tidak sah. Ekoran dari itu, adalah hujahan Pemohon bahawa pengiktirafan yang telah diberi oleh syarikat tersebut kepada kesatuan sekerja dalaman tersebut juga adalah tidak sah.

Dalam kes Pegawai-Pegawai Bank Semenanjung Malaysia v. Minister of Labour, Malaysia & Ors. [1989] 1 MLJ. 30, Mahkamah Agong memutuskan:

“(1) The registration of the association as a trade union was a nullity as the Registrar had failed to take into consideration the interest of the workmen

in the particular occupation which he was required to under s.12(2) of the Trade Unions Act 1959 and he had no power to register the association without considering their interest.”

Dengan alasan di atas Mahkamah membenarkan perintah seperti dipohon.

- t. t. -

(DATO' FAIZA BIN HAJI TAMBY CHIK)
Hakim
Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

Bertarikh: 20hb. Julai, 1999.

Peguam:


Sivarasa
Tetuan Daim & Gamany

... bagi pihak Pemohon

Alice Loke Yee Ching
Peguam Kanan Persekutuan

... bagi pihak Responden

Salinan Diakui Sah


.....
Setiausaha Kepada
Y.A. DATO' HJ. FAIZA BIN HJ. TAMBY CHIK
Hakim Mahkamah Tinggi
Bahagian Rayuan Dan Kuasa-Kuasa Khas (2)
Kuala Lumpur

6/9/99